

# Qalam

---

127, Sha'abān 1380, Februari 1961, 60 sen

---

## Dari Hal Kita

Untuk menjauhkan salah pengertian maka dengan ini kita maklumkan bahawa majalah Qalam bilangan yang lalu sebenarnya terlambat terbit disebabkan sesuatu hal yang tak dapat dielakkan. Majalah Qalam keluaran yang lalu telah disita tetapi kemudian dikembalikan semula setelah rencana pengarangnya diubah. Sungguhpun rencana yang tersebut tidak ada kesalahan apa-apa padanya tetapi berhubung dengan keadaan masa tidak sesuai, seperti yang dikenakan oleh Menteri Kebudayaan Singapura, tuan Rajaratnam, maka rencana itu tidaklah munasabah.

Menteri Kebudayaan Singapura juga menyatakan dengan tegasnya bahawa majalah Qalam itu tidaklah ada kena-mengena dengan gerakan ARTIS (Angkatan Revolusi Tentera Islam). Dengan ini dapatlah kiranya pembaca-pembaca faham bahawa Qalam tidak sekali-kali ada kena-mengena dengan gerakan itu.

Mudah-mudahan dengan ini pembaca-pembaca yang mendatangkan pertanyaan, kita maklumkan bahawa Qalam tidak sekali-kali ada kena-mengena dengan gerakan itu dan rencana pengarang Qalam itu ditulis di dalam lain perkara tetapi kerana difikirkan tidak munasabah dikeluarkan pada masa itu maka rencana itu telah diubah- P.

## Undang-undang Tuhan Jangan Dinista

Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tengku Abdul Rahman Putra, di dalam ucapannya di Kampung Jeliang, 13 batu dari Kuala Kangsar di antara lain-lain dikatakan telah berkata:

Rakyat negeri ini yang mahu hidup dalam negeri ini hendaklah menaruh perasaan cinta dan bertanggungjawab kepada negeri ini serta menjauhkan daripada membuat huru-hara.

“Saya harap,” kata beliau seterusnya, rakyat negeri ini terutamanya orang-orang Islam janganlah mencampurkan undang-undang Tuhan dengan undang-undang negara kerana undang-undang Tuhan jauh berbeza dari undang-undang manusia.

“Undang-undang negara menjalankan dasar untuk mengamankan dan memakmurkan rakyat tetapi undang-undang Tuhan membalas pahala dan syurga kepada hamba-Nya yang berbuat baik dan membalas dosa kepada hamba-Nya yang membuat salah.

“Kalau kita menggunakan undang-undang Tuhan dalam negara kita yang baru hendak maju ini”, kata beliau seterusnya lagi, “tidak dapat tiada negara kita akan kacau – bilau dan permusuhan di antara rakyat negeri ini akan berlaku.

“Rakyat negeri ini telah dipandang mulia oleh dunia dan kita berasa bangga dengan hal yang demikian. Ini bukanlah kerana apa-apa, hanya kerana ada kerjasama di antara rakyat dengan kerajaan ini yang saya harap kita akan berpanjangan dalam keadaan yang demikian itu.

“Sebenarnya” kata Tengku “ Tidak ada sebuah kerajaan pun yang dapat mengamankan negara kalau tidak ada kerjasama rakyat. Inilah tujuan kerajaan Perikatan, kerajaan Perikatan yang dipimpin oleh saya adalah sentiasa mencari jalan untuk mengamankan negara dan memakmurkan rakyat”. kata Tengku.

Ucapan Tengku ini dapat disimpulkan begini:

1. Janganlah dicampurkan diantara undang-undang Tuhan dengan undang-undang negara.
2. Undang-undang Tuhan hanya membalas pahala dan syurga kepada hamba-Nya yang berbuat baik dan membalas dosa kepada hamba-Nya yang membuat salah.
3. Kalau menggunakan undang-undang Tuhan negara akan kacau –bilau dan permusuhan di antara rakyat dalam ini akan berlaku.